




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 299 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 37,040 kes. Tiada kematian direkodkan pada hari ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 164 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 34,634 orang. Sejumlah 1,687 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 634 orang di hospital dan 1,053 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 63 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan dan Tambunan bertukar dari zon jingga ke zon merah. Manakala Daerah Tongod pula bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 299 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 206 kes (68.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 64 kes (21.4%), saringan kluster-kluster sedia ada 3 kes (1%) dan 26 kes (8.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 948 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,444 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,392 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 26.39%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **309,255** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98.01%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	99%
2	Kinabatangan	99%
3	Kota Belud	99%
4	Sipitang	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Ranau	98%
15	Lahad Datu	97%
16	Tuaran	97%
17	Keningau	97%
18	Tenom	97%
19	Tawau	97%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis di enam (6) daerah iaitu Kinabatangan, Lahad Datu, Tawau, Semporna, Beluran dan Kota Kinabalu.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 35 lokasi di tiga (3) daerah.

Sempena sambutan tahun baharu ini, saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021 kepada seluruh rakyat Sabah.

Saya juga ingin mengingatkan mereka yang mengadakan perjumpaan keluarga khususnya yang melibatkan ahli keluarga dari daerah lain agar berhati-hati dan patuhi SOP sedia ada. Bersama-sama kita mengambil iktibar dan berdoa supaya kita berjaya memutuskan rantai COVID-19.

Selamat Tahun Baharu 2021!

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
31 Disember 2020**